

UNIT 3

PENGEKALAN WARISAN MELALUI BAHASA MELAYU

HASIL PEMBELAJARAN

Pada akhir unit ini, anda diharap dapat:

1. Menghuraikan perkembangan bahasa Melayu pada zaman kedatangan orang Eropah.
2. Menjelaskan sumbangan orang Eropah dan orang tempatan dalam usaha memerihara dan memodenkan bahasa Melayu.
3. Menghuraikan perkembangan sistem tulisan ejaan dan tulisan dalam bahasa Melayu.
4. Mengenalpasti kepentingan laporan-laporan pendidikan, Laporan Razak dan Laporan Rahman Talib.
5. Menyenaraikan sebab-sebab perjuangan pembentukan Dasar Pelajaran Negara.
6. Menjelaskan kedudukan bahasa Melayu dalam sistem pendidikan .
7. Memahami perancangan bahasa Melayu moden.

PENGENALAN

Unit ini mendedahkan anda dengan sejarah perkembangan bahasa Melayu era kedatangan orang Eropah hingga zaman moden. Sebelum bahasa Melayu berkembang menjadi bahasa moden bahasa Melayu telah melalui pelbagai tahap perkembangannya. Dalam unit sebelum ini kita telah membincangkan tajuk bahasa Melayu purba, bahasa Melayu kuno bahasa dan Melayu klasik.

Dalam unit ini kita akan membincangkan sejarah perkembangan bahasa Melayu yang dibahagikan kepada dua tahap perkembangan, iaitu;

- a) bahasa abad ke-19 dan abad ke-20
- b) bahasa Melayu moden

PERKEMBANGAN BAHASA ABAD KE-19 DAN KE-20

ZAMAN KEDATANGAN ORANG EROPAH

Kedatangan orang Eropah turut mempengaruhi perkembangan bahasa Melayu dengan beberapa sifat tersendiri. Pengkaji menyebutnya sebagai zaman pramoden atau zaman peralihan, iaitu zaman peralihan antara bahasa Melayu zaman klasik kepada Bahasa Melayu zaman moden (Amat Juhari Moain, 1998:139). Zaman peralihan bahasa Melayu ini bermula pada abad ke-19. Abad ke-19 ini ditandai dengan kebanjiran pendatang luar khususnya bangsa Eropah ke Asia Tenggara. dan ini juga bermakna bermulanya zaman penjajahan dan imperialisme Barat. Mereka terutamanya bangsa Eropah berlumba-lumba menguasai Asia Tenggara.

Matlamat kedatangan bangsa Eropah ke Asia Tenggara sama ada orang Sepanyol, Portugis, Belanda mahupun Inggeris dipengaruhi oleh faktor memburu kekayaan, kekuasaan dan penyebaran agama Kristian. Pada awalnya, kedatangan orang Barat ke Asia Tenggara ialah untuk berdagang dan menyebarkan agama Kristian. Penyebaran agama Kristian ke Asia Tenggara dilihat sebagai satu usaha orang Barat dalam mengatasi penyebaran agama Islam yang sudah berkembang terlebih dahulu ke rantau ini. Hal ini juga ada kaitannya dengan kesan perang salib dan usaha penyebaran agama Kristian. Ismail Hussein (1966:34) menjelaskan hal ini;

Orang-orang Portugis datang ke Asia pada akhir abad ke lima belas membawa dua cita-cita yang bergelora: pertama untuk memerangi Islam dan kedua untuk merompak kekayaan alam Timur...

St. Francis Xavier dalam usaha menyebarkan kepercayaan agama Kristian telah menulis tentang Kristian di dalam bahasa Melayu .. Alat cetak yang mula diperkenalkan pada 1806 di Pulau Pinang digunakan oleh penyebar agama Kristian untuk mencetak *Bible* dalam tulisan Melayu. Bahan lain yang turut dicetak oleh badan pengembang agama Kristian seperti *Cetera Hikayat Isa*, *Risalah: Bahawa Hendaklah Engkau Menyembah Allah dan Berbakti kepada-Nya* sahaja dan banyak yang lain lagi.

Majalah berbahasa Melayu (tulisan Jawi) yang pertama diterbitkan pada Januari 1821 dengan judul *Bustan Arifin*. diterbitkan oleh Badan Pengembang Agama Kristian yang diketuai oleh paderi Claudius Thomsen untuk menyebarkan agama Kristian. Aktiviti yang dilakukan oleh orang Eropah ini turut menyumbang kepada perkembangan bahasa Melayu.

Antonio Pigafetta.

Sepanjang pelayarannya (ketua kelasi) bersama Magellan di kepulauan Melayu, Pigafetta telah menyusun Kamus Melayu-Itali, iaitu daftar kata Melayu-Eropah yang tertua. Daftar kata ini mengandungi 426 patah kata. Berikut beberapa contoh kata yang terdapat dalam daftar kata berkenaan (Hashim Musa 2003:378) Sistem ejaan yang digunakan oleh Pigafetta berdasarkan sistem ejaan Itali.

	Senarai Pigafetta	Ejaan BM sekarang		Senarai Pigafetta	Ejaan BM sekarang
1	Allah	Allah	7	cuda	Kuda
2	Naceran	Nasrani	8	haermadu	air madu
3	Caphre	kafir	9	lambau	Lembu
4	Mischit	masjid	10	cain mera	kain merah
5	Saudala	saudara	11	buapala	buah pala
6	Matta	mata	12	sachet	Sakit

Berdasarkan catatan sejarah, daftar kata bahasa Itali-Melayu yang disusun oleh Antonio Pigafetta bukanlah daftar kata atau kamus tertua yang pernah disusun oleh orang luar. Daftar Kata Melayu-Cina dipercayai daftar kata atau kamus Melayu yang terawal dan tertua pernah ditemui. Daftar kata ini mengandungi 482 kata yang dikumpulkan antara tahun 1403 M sehingga 1511 M.

Cornelis de Houtman

Beliau adalah antara ahli pelayaran Belanda yang mula-mula sampai di kepulauan Melayu pada tahun 1596 telah menyenaraikan daftar kata bahasa Melayu. A.W Hamilton telah membuat ulasan senarai atau catatan berkenaan yang dinamakan sebagai “*The first Dutch-Malay Vocabulary*”(Hashim Musa 2003:395). Berikut beberapa contoh senarai daftar kata tersebut.

	Senarai Houtman	Ejaan BM sekarang		Senarai Houtman	Ejaan BM sekarang
1	backeyen	pakaian	7	ita	hitam
2	Kareya	kerja	8	brat	berat
3	Perot	perut	9	corni	guni
4	Mary	mari	10	baccar	bakar
5	Toulong	tolong	11	arac	arak
6	bygimana	bagaimana	12	vrangy	Feringgi

C.H. Thomsen

Pada tahun 1820 C.H. Thomsen turut menyusun sebuah kamus Inggeris-Melayu yang bertajuk *A Vocabulary of English and Malayan Language, Containing about 2000 Words*. Kamus banyak menghampiri bunyi-bunyi dan ejaan bahasa Melayu sekarang. Thomsen melakukan proses perumian ini pada awal abad ke-19, iaitu ketika orang Barat lebih banyak menggunakan tulisan Jawi dalam mengeja bahasa Melayu. (Hashim Musa 2003:413). berikut sebahagian daripada kata Melayu dengan ejaan Rumi oleh Thomsen.

	Senarai Thomsen	Ejaan BM sekarang		Senarai Thomsen	Ejaan BM sekarang
1	Soatu	satu	6	paser	pasir
2	Tujoh	tujuh	7	parampuan	perempuan
3	Matahari	matahari	8	lama	lama
4	Anaser	anasir	9	jumbatan	jambatan
5	Tungkei	tangkai	10	pontong	puntung

William Marsden (1754-1863)

Beliau merupakan salah seorang sarjana barat kelahiran Ireland yang menghasilkan beberapa buku yang mengkaji tentang bahasa nusantara. Antara karya William Marsden ialah

- *The history of Sumatra: containing an account of the government, laws, customs, and manners of the native inhabitants, with a description of the natural productions, and a relation of the ancient political state of that island.* (1784).
- The Malayan alphabet, from: William Marsden. *A grammar of the Malayan language, with an introduction and praxis ...* (1812).
- Kamus *A Dictionary of Malay Langguge* pada tahun 1812. Kamus Marsden merupakan kamus Melayu yang pertama disusun secara saintifik dengan sistem ejaan Rumi yang dibentuknya dengan berasaskan kerangka bahasa Barat.

Giovanni Gaggiro (1915) seorang Itali turut menyusun Kamus Itali-Melayu dan Melayu-Itali (Dizionario Italiano e Malesee e Malesee Italiano)

ZAMAN INGGERIS DI TANAH MELAYU

Pada zaman penjajahan Inggeris di Tanah Melayu, khususnya sebelum Perang Dunia Kedua, bahasa Melayu terus digunakan untuk tujuan urusan rasmi di Negeri-negeri Melayu Bersekutu dan Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu. Pegawai-pegawai Inggeris yang bertugas di Negeri-negeri Melayu sebelum Perang Dunia Kedua dikehendaki mempelajari Bahasa Melayu dan mesti lulus dalam peperiksaan Bahasa Melayu sebelum disahkan dalam jawatan. Sebahagian daripada pegawai-pegawai itu terus menaruh minat yang tinggi terhadap Bahasa Melayu, sehingga dikenali sebagai sarjana Bahasa Melayu. Antaranya ialah R.O. Winstedt, J.R. Wilkinson, C.C. Brown, W.E. Maxwell, W. Marsden, W.G. Shellabear dan J. Crawford.

Dari aspek perkamusan, Augustine Spalding pada tahun 1624 menjadi orang Inggeris yang pertama menyusun *kamus Melayu-Inggeris*. Selepas itu, Thomas Bowrey pula menyusun Kamus *Malayo-English and English-Malayo* pada tahun 1701. Kamus tersebut jauh lebih tua daripada *A Dictionary of The Malayan Language* (Kamus Bahasa Melayu dalam 2 bahagian, Melayu-Inggeris dan Inggeris-Melayu) yang disusun oleh Marsden pada tahun 1812.

John Crawford meneruskan usaha Marsden dengan menyusun *A Grammar and Dictionary of Malay Language* pada tahun 1852. Seorang sarjana Perancis, iaitu Pierre Favre pada tahun 1875 menghasilkan Kamus Melayu-Perancis (*Malay-French Dictionary*), tahun 1876, Tatabahasa Melayu (*Malay Grammar*) dan tahun 1880 Kamus Perancis-Melayu (*French-Malay Dictionary*).

Pada tahun 1895, R.J. Wilkinson menyusun kamus *Inggeris-Melayu*. Pada tahun 1902, Wilkinson telah menyusun kamus, *A Malay-English Dictionary bahagian I, II dan III* dan kamus ini dipercayai kamus dwibahasa yang terawal. Kata masukan dalam kamus ini menggunakan tulisan jawi dengan aturan huruf

rumi serta keterangan dalam bahasa Inggeris. Beberapa semakan dibuat oleh Wilkinson pada 1936 dan pada 1959, pengemaskinian terhadap *A Malay-English Dictionary* dalam ejaan Rumi sepenuhnya telah dilakukan. Kamus ini telah dianggap oleh sarjana sebagai kamus bahasa Melayu dwibahasa yang terbesar dan bercirikan ensaiklopedia Melayu klasik.

R.O Winstedt turut menyusun beberapa buah kamus seperti *An English-Malay Dictionary (Rumi)*(1922), *Dictionary of Colloquial Malay*(1939), *An Unabridged English-Malay Dictionary* (1958) dan kemuncak sumbangannya adalah *Kamus bahasa Melayu* pada tahun 1960. Beliau merupakan sarjana Inggeris yang produktif dalam penyusunan kamus Inggeris-Melayu. Usaha Winstedt telah memberi laluan kepada penyusunan kamus lain untuk menghasilkan kamus.

Selepas Perang Dunia Kedua kedudukan serta peranan Bahasa Melayu mula terancam. Pegawai-pegawai Inggeris baru yang jahil terhadap budaya bangsa Melayu dan Bahasa Melayu membawa tekanan kepada kehidupan rakyat di negara ini. Mereka cuba menerapkan nilai-nilai baru dalam pentadbiran dan sosial. Mereka cuba menjadi “tuan” dan segala yang bersangkutan dengan cara hidup mereka diberi nilai yang tinggi termasuk bahasa mereka.

Bahasa Inggeris digunakan sebagai bahasa pengantar dalam sistem persekolahan. Orang Melayu mula terpengaruh dengan strategi halus orang Inggeris dan mula menjadikan sekolah Inggeris sebagai pilihan pendidikan untuk anak-anak. Orang Melayu mula mempercayai apa sahaja hasil dari Barat dianggap lebih baik dan tinggi nilainya. Bahasa Melayu mula dipandang sepi. Walaupun bahasa Melayu menerima tekanan, kesusasteraan Melayu terus dihasilkan cerdik pandai lulusan sekolah Melayu atau Arab.

Kemerosotan Bahasa Melayu tidak berterusan. Pada awal abad ke-20, semangat kebangsaan bergema dan orang-orang Melayu mula mengorak langkah untuk memperjuangkan bahasa ibunda mereka. Wartawan, sasterawan, budayawan, guru-guru Melayu dan ahli-ahli politik berganding bahu memperjuangkan cita-cita ini. Akhbar dan majalah menjadi saluran utama untuk menyuarakan hasrat ini. Perjuangan Bahasa Melayu digerakkan serentak dengan perjuangan politik membebaskan tanah air daripada penjajahan.

USAHA-USAHA ORANG TEMPATAN

Tokoh-tokoh tempatan juga tidak ketinggalan memberikan sumbangan. Kebanyakan usaha mereka berkisar tentang agama dan sastera. Palembang dan Aceh telah menggantikan Melaka sebagai pusat keintelektualan Melayu, iaitu selepas kejatuhan Melaka di tangan Portugis 1511.

Sumbangan tokoh-tokoh Aceh

- Sheikh Nuruddin Al-Raniri telah mengarang beberapa buah kitab. Antara karya beliau ialah *Sirat Al-Mustaqim*, iaitu kitab fiqah Melayu yang terawal, *Bustan Al-Salatin*, *Jawahir*

Al-Ulum, Lata'ifal Asrar, Syifa' dan lain-lain.

- Shamsuddin Al-Sumaterani. Antara hasil karya beliau adalah *Syarah Ruba'l Hamzah Fansuri, Tanbihut- Tidlah dan Anwarud-Daqq.*
- Abdul Rauf Singkel. Antara karya beliau ialah terjemahan kitab *Tafsir Al- Quran Al- Baidawi, Kifayatul- Muhtajin, Mir'at Al- Tullab, Hujjatul Balighah, Syamsul- Ma'rifah, Umdat Al- Muhtajin, Mamu'ul Masail* dan lain-lain.
- Hamzah Fansuri terkenal dengan “*Gurindam dua belas*” dan syair sufi seperti “*Syair Perahu*”.

Sumbangan Johor-Riau

Sultan Abu Bakar Johor (1862-1895); baginda dianggap bertanggungjawab membawa Johor ke era moden ialah Sultan Abu Bakar. Baginda memperkenalkan sebuah perlembagaan dan sistem pentadbiran yang cekap dan berkesan melalui *Hukum Kanun Johor* yang Johor mengandungi 66 Fasal dan mula dipraktikkan mulai dari Sultan Mahmud hingga Sultan Sulaiman. Kanun ini memaparkan undang-undang jenayah seperti membunuh, mencuri yang boleh berlaku di mana-mana, dan juga undang-undang mengenai tanaman dan binatang ternakan. Terdapat fasal-fasal khusus dalam Hukum Kanun Johor, seperti hukum mendapat gading dalam sesuatu tanah (fasal 37), undang-undang menyinding rusa (fasal 17), orang yang mengadakan kenduri jika mahu menjemput penghulu atau pegawai terpaksa menyertakan sirih (fasal 49), juga peraturan protokol ketika raja berangkat.

Selain itu, terdapat beberapa karya yang mengisahkan sejarah negeri Johor semenjak kejatuhan kerajaan Melaka kepada Portugis. Antara naskah berbentuk prosa ialah;

- *Hikayat Negeri Johor*
- *Sejarah Peringatan Negeri Johor*
- *Salasilah Melayu dan Bugis*

Manakala naskah yang berbentuk puisi (syair), antaranya

- *Syair Perang Johor* karya sastera sejarah yang menggunakan peperangan sebagai temanya.
- **Pegawai-pegawai pentadbir Johor;** Pada tahun 1888, Dato' Sri Amar Diraja Abdul Rahman bin Andak dengan kerjasama beberapa rakannya mengasaskan *Pakatan Belajar Mengajar Pengetahuan Bahasa di Johor Bahru* dengan matlamat untuk menanam semangat belajar dan menulis bahasa Melayu di kalangan ahlinya. Pakatan ini berjaya menerbitkan buku karya Haji Said bin Sulaiman, *Hikayat Queen Victoria* (1904) dan *Hikayat Johor* (1908) serta karya Abdullah bin Rahman, *Matahari memancar* (1906). Kegiatan Pakatan ini pernah terhenti seketika apabila Abdul Rahman bin Andak dibersarakan pada 1909, kegiatan pakatan ini terhenti.
 - Tahun 1934, pakatan ini dihidupkan kembali oleh Haji Mohd. Said bin Sulaiman dengan bantuan Dato' Awang bin Omar, Dato' Abdullah bin Abdul Rahman dan Mejar Musa bin Yusof dengan nama baru, iaitu *Pakatan Bahasa Melayu Persuratan Buku Diraja Johor*. Pakatan ini

- dinaungi oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor. Persatuan ini telah mengadakan kegiatan seperti menghasilkan buku, pembentukan istilah dan mengadakan majlis-majlis ceramah dan perbincangan. Turut dihasilkan ialah karya-karya terjemahan seperti terjemahan terhadap *Rubai Omar Khayyam*, antaranya untuk dideklamasikan dan dibincangkan dalam pertemuan-pertemuan anjuran persatuan dan sebagainya.
- Muhammad Said bin Haji Sulaiman menghasilkan buku tatabahasa Melayu, iaitu *Penokok dan penambah dalam bahasa Melayu* (1939) dan *Jalan basa Melayu* (1953).
 - Sumbangan Johor semakin terserlah dengan kelahiran tokoh-tokoh intelektual Melayu berserta dengan hasil karya mereka. Antaranya termasuklah *Tuhfat Al-Nafis*, *Aturan Setia Melayu Bugis*, *Syair Maharaja Abu Bakar*, *Sejarah Tawarikh Johor* dan *Perundangan Johor*.
 - Dari segi persuratan, beberapa karya lama telah disalin semula. Antaranya ialah *Sulalat al-Salatin (Sejarah Melayu)*, *Taj al-Salatin* oleh Bokhari al-Jauhari, *Undang-undang Johor*, *Hikayat Johor*, dan banyak lagi.
- Abdullah bin Abdul Kadir Munsyi atau lebih dikenali sebagai Abdullah Munsyi, dilahirkan di Kampung Masjid, Melaka. Tetapi banyak menghabiskan masanya di Singapura kerana mengajar bahasa Melayu kepada orang-orang Inggeris seperti Sir Stamford Raffles, Paderi Thomsen, Paderi Milne, Paderi Keasberry, Crawford dan lain-lain. Antara karya-karya dan penulisan yang dihasilkan ialah;
 - *Syair Singapura Terbakar* (1830).
 - *Kisah Pelayaran Abdullah* (1838).
 - *Hikayat Abdullah* (1849).
 - *Kisah Pelayaran Abdullah Ke Jeddah* (1854).
 - *Dewa ul-Khulub* (1883).
 - *Majalah Bustan Arifin*

Abdullah Munsyi turut menterjemahkan karya dalam bahasa Hindi dan Inggeris. Antaranya *Hikayat Panca Tendaran* ke dalam bahasa Melayu yang diberi judul *Hikayat Kalidah dan Daminah* yang dilakukan pada tahun 1835. Abdullah Munsyi juga telah memperbaiki *Sejarah Melayu* dan *Kitab Adat Segala Raja-Raja Melayu Dalam Segala Negeri*.

Raja Ali Haji Ibnu Raja Haji Ahmad atau lebih dikenali sebagai Raja Ali Haji terkenal sebagai ulama serta sasterawan Melayu terkemuka, mempunyai latar belakang pendidikan Arab, namun, beliau masih mengekalkan unsur bahasa Melayu klasik yang banyak dipengaruhi oleh perkataan Arab dan struktur bahasa Arab. Karya-karya penulisan Raja Ali merangkumi pelbagai aspek seperti agama, bahasa, sastera, sejarah, dan undang-undang. Antaranya ialah;

- *Bustanul-Katibin Lissubyanil-Muta'alimi* atau terjemahan bahasa Melayu ialah *Kitab Perkebunan Jurutulis Bagi Kanak-Kanak Yang Hendak Menuntut Belajar Akan Dia* (1857).
- *Kitab Pengetahuan Bahasa* (1858). Kitab ini dipercayai kamus ekabahasa pertama yang disusun oleh anak watan Melayu sendiri.
- *Kitab Silsilah Melayu dan Bugis dan sekalian Raja-Rajanya*.
- *Taufatul Nafis* atau dalam terjemahannya, iaitu *Hadiah yang Bernilai*.
- *Syair dan Pantun : Syair Jatuhnya Negeri Johor, Syair Gurindam Dua Belas, Syair Taman*

- Pertama, Syair Abdul Muluk dan Syair Hukum Nikah.*
- Karya Undang-Undang seperti *Tamaral-al-Muhamed...Ahli'l-Mahkamah* dan *Mukaddimah fi Intizam al-Wazaif al-Malik*.

ZAMAN SEBELUM DAN SELEPAS MERDEKA

Perkembangan bahasa Melayu agak pantas pada awal abad ke-20. Walaupun begitu pada tahun 1900-an bahasa Melayu masih bertaraf bahasa vernakular. Bahasa Inggeris masih menjadi bahasa rasmi di Negeri-negeri Selat (Singapura, Melaka dan Pulau Pinang), Negeri-negeri Melayu Bersekutu (Selangor, Pahang, Negeri Sembilan dan Perak), Pada tahun 1909 dan selepasnya di Negeri-negeri Melayu yang tidak Bersekutu (Johor, Kelantan, Terengganu, Kedah dan Perlis). Maktab perguruan juga telah mula dibuka. Secara ringkas perkembangan bahasa Melayu boleh dibahagikan kepada;

- Zaman SITC/MPSI dan Pejabat karang Mengarang (1922-1941)
- Zaman Pendudukan Jepun (1942-1945)
- Zaman sebelum merdeka (1945-1956)
- Zaman selepas Merdeka (1957 hingga kini)

Zaman SITC/MPSI dan Pejabat Karang Mengarang

Zaman ini bermula dengan penubuhan SITC pada 1922 hingga 1941, iaitu zaman sebelum pendudukan Jepun 1942. Dalam zaman ini beberapa tokoh seperti Zainal Abidin Ahmad (Za'ba), Abdul Hadi Haji Hassan, Buyong Adil, Harun Mohd. Amin (Harun Aminurrasyid), Ibrahim Dato' Muda Linggi dan beberapa orang lagi telah memberi sumbagan yang besar dalam sejarah perkembangan bahasa Melayu. Mereka ini telah banyak menghasilkan karya dalam bahasa Melayu seperti Pelita Bahasa Melayu (3 Jilid) dan Ilmu Mengarang Melayu yang dikarang dan disusun oleh Za'ba. Buku ini menjadi buku rujukan utama untuk tatabahasa Melayu dari tahun 1940 hingga 1980-an. Za'ba telah mengetuai Pejabat Karang Mengarang. Melalui Pejabat Karang Mengarang ini juga lahir beberapa siri penerbitan buku teks bagi The Malay School Series.

Antara hasil penerbitan zaman ini ialah

- (a) Pelita Bahasa Melayu (3 Jilid:tatabahasa)
- (b) Ilmu Mengarang Melayu (penulisan)
- (c) Ilmu Hayat (tentang Biologi)
- (d) Kitab Hisab (Matematik)
- (e) Kitab Latihan Tubuh (Pendidikan Jasmani)
- (f) Sejarah Alam Melayu (5 penggal: Sejarah Alam Melayu)
- (g) Ilmu Alam (Geografi)
- (h) Pekerjaan Tangan (Pertukangan)

Pada zaman ini juga penerbitan akhbar dan majalah agak rancak, terbit di Malaya ketika itu, Singapura dan Sarawak. Misalnya;

- (a) Al-Ikhwan (Pulau Pinang, 1926)
- (b) Saudara (Pulau Pinang, 1928)
- (c) Warta Melayu (Singapura, 1930 – 1941)
- (d) Fajar Sarawak (Kuching, 1930)
- (e) Majlis (Kuala Lumpur, 1931 – 1955)
- (f) Warta Jenaka (Singapura, 1936)

Perkembangan kesusasteraan Melayu juga agak pesat, kritik sosial dan kesedaran kemerdekaan dipancarkan melalui karya sastera. Ketika ini muncul nama-nama penulis yang terkenal seperti Abdul Rahim Kajai, Harun Aminurrasyid, Syed Syeikh al-Hadi, terkenal dengan novel Faridah Hanumnya dan ramai lagi. Kegiatan persuratan Melayu menjadi lebih terserlah apabila pada 1934 sebuah persatuan persuratan Melayu yang dinamakan Persaudaraan Sahabat Pena Malaya (PASPAM) yang dianggotai oleh penulis-penulis dari Tanah Melayu, termasuk Singapura dan Brunei. Persatuan bergiat aktif dan berjaya menerbitkan majalah seperti Suara Pena (1938), Pancaran Pena (1939) dan Taman Paspam (1940). Pada 1939 sebuah syarikat yang dikenal masebagai Syarikat Utusan Melayu telah menerbitkan Utusan Melayu, Utusan Zaman, Mastika, dan hari ini terus menjadi penerbit akhbar Melayu yang besar sampai dengan terus menerbitkan Utusan Malaysia, Mingguan Malaysia, Wanita, Utusan Pelajar dan lain-lain hingga hari ini

Zaman Pendudukan Jepun (1942-1945)

Ketika pendudukan Jepun, bahasa Jepun telah dijadikan bahasa rasmi menggantikan bahasa Inggeris. Namun begitu bahasa Melayu masih digunakan di Sekolah-sekolah Melayu tetapi bahasa Jepun mesti dipelajari. Akhbar dan majalah ada yang diterbitkan sebelum ini banyak yang ditutup. Hanya beberapa majalah yang dibenarkan terbit ketika itu seperti Penang Shimbun, Matahari Memancar, Berita Malai, Fajar Asia, dan Semangat Asia. Dalam zaman ini juga sebuah sistem ejaan rumi baharu yang diperkenalkan, iaitu *Sistem Ejaan Fajar Asia*. Sistem ejaan ini digunakan oleh akhbar Fajar Asia. Pada bulan Ogos 1945, tentera Jepun terpaksa keluar dari Tanah Melayu apabila kalah kepada Tentera Berikat pimpinan Amerika Syarikat yang telah mengebom Hiroshima dan Nagasaki dengan bom atom.

Zaman sebelum merdeka (1945-1956)

Pendudukan Jepun di Tanah Melayu telah memberi kesedaran baru kepada orang Melayu bahawa orang Asia berkemampuan untuk menentang dan mengalahkan orang-orang Barat. Orang-orang Melayu mula memperjuangkan nasib bangsa terutamanya melalui penubuhan United Malays National Organization atau UMNO. Tuntutan perihal pengekalan kuasa Melayu, Islam sebagai agama rasmi, bahasa Melayu menjadi bahasa kebangsaan dan bangsa Melayu mesti memiliki kedudukan

istimewa telah mendorong kepada penubuhan pelbagai parti dan pertubuhan. Antaranya Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM), Angkatan Pemuda Insaf (API), Angkatan Wanita Sedar (AWAS) dan sebagainya.

Dalam masa ini juga Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu telah mengadakan tiga kali kongres, iaitu 1952 di Singapura, 1954 di Seremban dan 1956 di Johor Bahru-Singapura. Kongres yang ketiga adalah yang paling penting. Dalam kongres ketiga ini beberapa rumusan berkenaan kedudukan bahasa Melayu telah diambil iaitu,

- (a) Bahasa Melayu mesti menjadi bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan yang tunggal bagi Malaya merdeka.
- (b) Penubuhan maktab perguruan untuk pengajaran bahasa Melayu bagi murid-murid bukan Melayu.
- (c) Balai Pustaka di Kementerian Pendidikan hendaklah dinaikkan taraf ke Dewan Bahasa dan Pustaka.
- (d) Bahasa Melayu hendaklah diberikan nilai ekonomi, dan menjadi mata pelajaran wajib bagi semua peperiksaan awam.
- (e) Pembukaan sekolah-sekolah menengah Melayu dan penubuhan universiti-universiti yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar.

Pada tahun 1956 satu laporan yang dikenali sebagai Laporan Razak telah dikeluarkan. Antara kandungan laporan ini menyebut;

- (a) Semua institusi pendidikan hendaklah diletakkan di bawah dasar pelajaran kebangsaan.
- (b) Di peringkat sekolah rendah, sekolah-sekolah hendaklah dibahagi kepada empat aliran, iaitu Melayu, Inggeris, Cina dan Tamil.
- (c) Di peringkat sekolah menengah dan pengajian tinggi hanya ada dua aliran sahaja, iaitu Inggeris dan Melayu.

Pada zaman ini juga sebuah persatuan penulis yang terkenal telah ditubuhkan di Singapura, iaitu Angkatan Sasterawan '50 atau singkatannya ASAS '50. ASAS '50 terlibat secara langsung dalam pengendalian Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu. Antara penulis-penulis ASAS '50 yang terkenal seperti Tongkat Warrant (Dato' Usman Awang), Tan Sri Abdul Samad Ismail, Keris Mas (Kamaluddin Muhamad), Asraf Haji Abdul Wahab, Dato' A. Samad Said, Mohd Ariff Ahmad, Hamzah Hussein, Suratman Markasan, Masuri S.N., Awam-il-Sarkam, dan Abdul Ghani Hamid dan ramai lagi. Persatuan ini masih wujud lagi tetapi hanya terbatas di Singapura sahaja.

Zaman Merdeka (1957 hingga kini)

Perkembangan bahasa Melayu selepas merdeka terus rancak dan berkembang pesat. Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu dengan jelas menyebut perihal kedudukan bahasa Melayu dalam Perkara 152, iaitu bahasa Melayu ialah bahasa kebangsaan bagi Persekutuan Tanah

Melayu.

Pada tahun 1960 Penyata Pelajaran Rahman Talib telah dikeluarkan. Laporan ini mengukuhkan kekurangan yang terdapat dalam Laporan Razak (1956). Antara perkara penting penyata pelajaran baharu ini ialah;

- sekolah rendah dikurangkan menjadi tiga aliran sahaja, iaitu dengan menghapuskan aliran Inggeris.
- aliran kebangsaan bagi sekolah menengah dan pengajian tinggi yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar sahaja.
- aliran Inggeris ditiadakan tetapi bahasa Inggeris sebagai mata pelajaran dikekalkan dan dijadikan bahasa kedua terpenting di semua peringkat pengajian.

Pada pertengahan tahun 1970, Gabungan Persatuan-persatuan Penulis Nasional Malaysia atau singkatannya Gapena telah ditubuhkan. Antara matlamat Antara tujuan utama penubuhan Gapena termasuklah untuk terus memperjuang dan memartabatkan kedudukan bahasa Melayu dengan menyatupadukan semua penulis yang menggunakan bahasa kebangsaan membuka luas ruang untuk para penulis muda bagi meningkatkan bakat-bakat mereka. Berbagai kegiatan telah dianjurkan untuk mencapai hasrat ini, seperti Hari Sastera, Hari Puisi Nasional, Simposium Dunia Melayu, Seminar Dunia Melayu, Kongres Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu-Indonesia, Kongres Cendekiawan Melayu dan sebagainya. Kerjasama kebahasaan dalam Majlis Bahasa Indonesia-Malaysia (MBIM) dan kemudian kepada Majlis Bahasa Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia (MABBIM). Mengukuhkan lagi perkembangan bahasa Melayu lewat abad ke-20.


Perkembangan bahasa Melayu lewat abad ke-20 berkembang luas dan digunakan dalam semua urusan pentadbiran kerajaan dan majlis-majlis rasmi sesuai dengan tuntutan perlembagaan dan akta bahasa pada semua peringkat. Penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dalam sistem pendidikan dilaksanakan dari peringkat rendah hinggalah ke peringkat universiti. Kemuncak bagi pendidikan aliran Melayu dan juga dasar pendidikan kebangsaan ialah dengan tertubuhnya Universiti Kebangsaan Malaysia(UKM) pada tahun 1970. Bahasa Melayu juga telah mula digunakan di mahkamah-mahkamah di Malaysia. Bahasa Melayu juga mula mendapat tempat di luar negara. Minat orang luar terhadap pengajian Melayu dan bahasa Melayu turut membantu penyebaran dan perkembangan bahasa Melayu. Antara pusat pengajian Melayu di luar negeri ialah Universiti Hamburg (Jerman), Universiti La Rochelle (Perancis), Istituto Orientale (Itali), Universiti Cornell dan Universiti Ohio (Amerika), Universiti Leiden (Belanda), Universiti Victoria, Wellington (New Zealand), School of African and Asian Studies London (SOAS), Universiti Beijing (China) dan banyak lagi.

PERKEMBANGAN TULISAN DALAM BAHASA MELAYU

Perkembangan sistem tulisan bahasa Melayu berkaitan rapat untuk kita mengenali perkembangan tamadun Melayu. Melalui tulisan kita boleh mendapat gambaran tentang orang Melayu dan

sejarah masa silamnya. Perkembangan aksara di Alam Melayu, bermula daripada aksara Rencong, kepada Palavi dan aksara Kawi atau Jawa Kuno, kepada aksara Jawi dan Rumi.

Perkembangan tulisan Melayu ini dapat digambarkan seperti rajah berikut:



TULISAN MELAYU PURBA DAN MELAYU KUNO

Pada zaman purba dipercayai orang-orang Melayu telah mempunyai sistem tulisannya sendiri. Tulisan atau huruf tersebut dikatakan menyerupai bentuk huruf-huruf Rencong atau Rencang, Kawi dan Lampung. Huruf Kawi atau huruf Jawa kuno pula telah wujud sejak abad ke-8M berasal dari huruf Vangki (Wenggi), iaitu huruf orang-orang Pallava yang berasal dari Coromandel, India. Huruf ini lenyap pada tahun 1400 M.

Huruf Rencong pula banyak digunakan di Sumatera Selatan, Bangkahulu, hulu Palembang dan Minangkabau. Huruf ini kekal hingga kurun ke-18, iaitu sebelum Belanda menjajah Indonesia. Aksara atau huruf Kawi dan Rencong ditulis pada kulit-kulit kayu, daun-daun lontar, kepingan-kepingan logam dan pada batu-batu (batu bersurat). Pada tahun 1892 tulisan kuno ini telah dijumpai pada sebatang tiang batu di Kota Kapur (Bangka Barat).

Kehadiran pengaruh Hindu di alam Melayu turut membawa tulisan Palava yang disebarakan melalui bahasa Sanskrit. Penyebaran tulisan dan bahasa Hindu ini sebenarnya terhad di kalangan golongan istana sahaja. Bahasa Sanskrit menjadi bahasa pentadbiran dan ilmu pengetahuan. Pada zaman ini bahasa Melayu menggunakan beberapa bentuk tulisan. Pada zaman ini bahasa Melayu kuno telah menggunakan beberapa jenis aksara atau tulisan yang dipinjam daripada bahasa-bahasa lain, terutama India seperti aksara Pallava, Devanagari, Tamil, Jawa Kuno dan Kawi.

De Casparis (1975, dalam Shaharir Mohamed Zain, 2003) menerangkan huruf-huruf ini bermula daripada pengubahsuaian aksara dari kerajaan Palava di selatan India pada abad ke-4 Masehi, dan kemudian berkembang secara evolusi kepada huruf Kawi. Selanjutnya beliau membahagikan zaman-zaman perkembangan aksara itu kepada:



- Zaman aksara Palavi Awal, dari abad ke-4 hingga ke-7 Masehi, seperti yang tertulis pada prasasti di Kalimantan Timur, Jawa Barat, Kedah-P. Pinang (Bukit Meriam di Kuala Sg. Merbuk, Ceruk Tokun, Provins Wellesley dan Sungai Bujang yang tersebut tadi,
- Zaman aksara Palavi Kemudian, dari abad ke-7 hingga pertengahan abad ke-8 Masehi, seperti yang dijumpai pada prasasti di Sumatera, Jawa Tengah, dan Semenanjung Malaysia,
- Aksara Kawi Awal atau Jawa Kuno, daripada pertengahan abad ke-8 Masehi hingga awal abad ke-10 Masehi, dijumpai pada prasasti di Thai Selatan, Jawa Tengah, Jawa Timur, dan Semenanjung Malaysia,
- Aksara Kawi Kemudian, daripada awal abad ke-10M hingga pertengahan abad ke-13M Masehi, dijumpai pada batu di Jawa Timur, Airlangga, Kediri, Bali, Sunda, dan Sumatera Selatan) dan
- Aksara Kawi zaman Majapahit, yang dijumpai pada batu bersurat di seluruh Alam Melayu ini sehingga kemasukan aksara Arab menerusi Islam.



Siapakah kelompok yang menuturkan bahasa Melayu purba?

Apakah huruf India yang mempengaruhi tulisan Melayu?

TULISAN JAWI WARISAN BAHASA MELAYU

Tulisan Jawi berasal dari tulisan Arab dan merupakan huruf-huruf Arab yang dimasukkan ke dalam sistem penulisan bahasa Melayu. Huruf Jawi adalah tulisan yang sudah berabad-abad lamanya digunakan di Nusantara. Tulisan Jawi juga dikenali sebagai tulisan Melayu. Kemunculannya berkait secara langsung dengan kedatangan agama Islam ke Nusantara pada abad ke-14. Penggunaan aksara Jawi, iaitu aksara yang dipinjam daripada bahasa Arab yang telah ditambah dengan beberapa huruf tambahan. Huruf yang dibulatkan merupakan ciptaan orang Melayu yang hanya didapati dalam bahasa Melayu dan tidak dijumpai di huruf Arab yang sejatinya.

ج jim	ث tha	ت ta	ب ba	ا alif
ذ dzal	د dal	خ kha	چ cha	ح ha
ص shad	ش shin	س sin	ز zai	ر ra
غ ghain	ع ain	ظ dzo	ط tho	ض dhad
ك kaf	ق qaf	ڤ pa	ڤ fa	ڤ nga
و wau	ن nun	م mim	ل lam	ڤ ga
ي ya	ء hamzah	لا lam alif	ه ha	ڤ va
				ڤ nya


Tulisan ini berkembang semenjak zaman kerajaan Islam Pasai, Melaka, Johor-Riau. Batu bersurat Terengganu (702H/1303M) membuktikan tulisan Jawi di Tanah Melayu. Pada zaman bahasa Melayu klasik penggunaan tulisan jawi agak ketara. Tulisan jawi memainkan peranan penting dalam masyarakat kepulauan Melayu dalam semua urusan pentadbiran, perdagangan, dan kehidupan sosial seperti surat-menyurat, panji-panji negara, cop mohor kerajaan. Tulisan jawi turut digunakan untuk tujuan kesenian seperti tulisan khat, menulis azimat dan sebagainya. Bukti kepentingan tulisan jawi terpapar melalui surat-surat dagang dan perjanjian yang pernah dibuat oleh raja-raja Melayu dengan pihak Portugis, Belanda dan Inggeris. Pengaruh tulisan jawi ini banyak mewarnai kehidupan rumpun Melayu di Nusantara.



Ketika penjajahan Inggeris di Tanah Melayu, tulisan jawi masih dijadikan tulisan rasmi bagi negeri-negeri Melayu tidak bersekutu. Tulisan jawi juga masih mendapat tempat dalam masyarakat ketika itu seperti melalui penerbitan surat khabar *Jawi Peranakan* dan *Utusan Melayu*. Selepas merdeka, penggunaan tulisan jawi mulai merosot. Namun begitu, tulisan jawi tetap digunakan terutamanya di sekolah agama dan untuk pengajian yang berkaitan dengan hal ehwal agama Islam. Tulisan jawi juga masih digunakan dalam urusan rasmi agama Islam di kebanyakan negeri di Malaysia.

Di Negara Brunei Darussalam tulisan jawi dijadikan tulisan utama berbanding tulisan Rumi. Tulisan Jawi digunakan secara meluas, misalnya pada papan-papan tanda kerajaan, syarikat-syarikat swasta, perbankan dan tanda-tanda jalan. Tulisan Jawi turut dianggap sebagai warisan budaya orang-orang Brunei baik pada acara rasmi mahupun pada hal-hal yang tidak rasmi malah diutamakan dalam kehidupan beragama, bermasyarakat, berbangsa dan bernegara.. Penggunaan tulisan Jawi begitu menonjol dan mereka begitu mahir menggunakan tulisan Jawi dan mampu membaca tulisan Jawi lama, manuskrip dan kitab-kitab lama.

Di Malaysia usaha mendaulatkan dan memartabatkan tulisan Jawi telah dilakukan oleh beberapa individu dan pertubuhan. Era siber turut membantu perkembangan tulisan jawi. Misalnya penubuhan *Persatuan Pencinta Tulisan Jawi (PENJAWIM)* adalah salah satu langkah bernas untuk memartabatkan tulisan Jawi di negara ini. Selaras dengan itu PENJAWIM, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Universiti Malaya (UM) telah bekerjasama untuk membangunkan *Teknologi Jawi Digital*. Ini adalah satu usaha PENJAWIM untuk memaju dan menggalakkan pembelajaran dan penggunaan tulisan Jawi di kalangan masyarakat selari dengan matlamat persatuan ini ditubuhkan untuk mendaulatkan tulisan Jawi.



Laman web penggalak tulisan jawi turut membantu peminat tulisan jawi untuk mempelajari tulisan jawi. Misalnya, kemudahan penterjemahan tulisan rumi ke tulisan jawi boleh dilakukan melalui laman web tertentu. Salah satu daripada laman web berkenaan ialah [ww.ejawi.net](http://www.ejawi.net). Dengan adanya laman web sedemikian usaha mengembangkan dan menyemarakkan semula tulisan jawi khususnya bagi pengguna rumpun Melayu di internet dapat dilakukan dengan lebih rancak lagi.

layari laman web berikut untuk mempelajari tulisan jawi dan meningkatkan kemahiran menulis dalam tulisan jawi.

* <http://www.ejawi.net/converter.php>

* <http://perdana.fsktm.um.edu.my/~jawinet/belajarJawi/index.html>

TULISAN RUMI

Kehadiran Belanda dan Inggeris pada abad ke-17, sedikit demi sedikit telah mula memperkenalkan huruf latin atau Rumi. Namun begitu, hanya pada abad ke-19 barulah tulisan rumi diperkenalkan dan digunakan secara meluas, khususnya orang Inggeris di Tanah Melayu. Akibat daripada penggunaan tulisan Rumi, tulisan Jawi mula terpinggir walaupun tulisan Jawi telah menjadi identiti masyarakat Melayu suatu ketika dahulu. Penggunaan tulisan Rumi semakin berkembang dengan pesat. Pada abad ke-19 dan awal abad ke-20, usaha-usaha itu tidak dapatlah dikatakan sempurna dan terdapat beberapa kelemahannya.

Thomas Bowrey merupakan orang Eropah menghasilkan kamus pertama bahasa Inggeris-bahasa Melayu pada tahun 1701 dengan judul *A Dictionary English and Malayo, Malayo and English*, iaitu dengan

menggunakan dalam tulisan Rumi. William Marsden pula merupakan sarjana Inggeris yang mula-mula sekali membincangkan soal ejaan bahasa Melayu dalam bukunya yang berjudul *A Grammar of the Malayan Language*. Pada tahun 1912, Marsden mengatakan bahawa bunyi *ch, d, ng, p, g, dan ny* adalah huruf-huruf yang ditambah oleh orang Melayu kepada sejumlah 28 huruf Arab yang sedia ada pada waktu itu (Abdullah Hassan dan Ainon Mohd., 1994:94). William Marsden menggunakan tulisan jawi untuk menghasilkan buku tersebut.

Bermula pada tahun 1963 tulisan rasmi bagi bahasa Melayu ialah tulisan rumi. Bermula dari tahun berkenaan tulisan Rumi telah menggantikan peranan tulisan Jawi dalam hampir setiap urusan sehingga masa kini.



Bandingkan penggunaan tulisan jawi di Malaysia dan Brunei selepas merdeka.

PENGEKALAN WARISAN BAHASA MELAYU MELALUI SISTEM PENDIDIKAN.

Kedudukan bahasa Melayu ketika penjajahan Ingeris agak malap. Selepas Perang Dunia Kedua perkembangan politik di negeri China, India dan Negara-negara jiran banyak mengubah kedudukan sementara atau transient menyekat pendatang-pendatang China dan India di rantau ini. Kesan kedudukan yang bertambah tetap, masyarakat pendatang mula menganggap Tanah Melayu sebagai tempat kediaman tetap mereka dan kebangkitan nasionalisme Melayu sudah memperlihatkan tumpuan kepada kerumitan kepada masalah pendidikan. Keadaan ini menimbulkan gelombang aspirasi dan sentimen pelbagai kaum yang berangguh dengan dasar pendidikan.

Orang Melayu mula mendesak supaya kerajaan memperbaiki mutu pendidikan di sekolah-sekolah Melayu serta menambahkan peluang-peluang bagi melanjutkan pelajaran. Sebuah jawatankuasa berkenaan pendidikan Melayu sudah dibentuk pada tahun 1950, dipengerusikan oleh L.J.Barnes, Pengarah Bahagian Latihan Sosial, universiti Oxford bagi menyelidik dan membuat perakuan-perakuan bagi memperbaiki pendidikan orang Melayu. Di samping itu, usaha untuk memajukan taraf bahasa Melayu dalam bidang pendidikan terpaksa menempuh banyak halangan dan faktor-faktor yang menyekatnya. Dalam pembinaan dan perancangan bahasa Melayu, usaha yang jelas dan tegas diambil oleh pihak kerajaan bagi meluaskan penggunaan bahasa Melayu. Dua jawatankuasa pelajaran ditubuhkan untuk mengkaji pelaksanaan bahasa Melayu yang kemudian dikenali sebagai Laporan Razak (1957) dan Laporan Rahman Talib (1961).

Laporan Barnes 1950

Jawatankuasa Barnes mencadangkan supaya ditubuhkan sekolah-sekolah kebangsaan dan bahasa berbilang kaum sama ada menggunakan bahasa Inggeris atau bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utamanya. Sekolah-sekolah vernacular Melayu, Cina dan Tamil akan ditukar secara beransur-ansur kepada sekolah kebangsaan dengan memperkenalkan aliran kebangsaan.

Jawatankuasa Barnes membuat beberapa syor untuk menggubal satu system pendidikan kebangsaan. Antara lain, menyarankan supaya persekolahan di peringkat rendah dijadikan alat bagi perpaduan dan penyatuan masyarakat yang berbilang kaum di Tanah Melayu. Berasaskan pandangan itu, Jawatankuasa Barnes mengemukakan satu laporan kepada kerajaan British yang dikenali sebagai Laporan Barnes pada tahun 1951. Antara syor yang dikemukakan ialah;

- Menubuhkan satu corak sekolah rendah, iaitu sekolah kebangsaan yang dibuka kepada murid daripada semua kaum dengan diajar oleh guru-guru pelbagai kaum dan keturunan.
- Memansuhkan sekolah rendah vernacular mengikut kaum dan digantikan dengan Sekolah Kebangsaan.
- Menjadikan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar utama di sekolah-sekolah rendah dan bahasa Inggeris di peringkat sekolah menengah.
- Tempoh persekolahan diseragamkan selama enam tahun bermula apabila kanak-kanak mencapai usia enam tahun
- Persekolahan percuma kepada semua murid.

Cadangan-cadangan yang dikemukakan dalam Laporan Barnes mencetuskan penentangan yang hebat oleh kumpulan-kumpulan masyarakat yang lain, terutamanya masyarakat Cina yang menganggapnya sebagai suatu percubaan bagi menindas dan menghapuskan bahasa dan kebudayaan mereka. Bagi mengurangkan kebimbangan masyarakat Cina, pentadbiran British melantik sebuah jawatankuasa pendidikan Cina pada tahun 1951 di bawah Dr. Fenn dan Dr. Wu bagi melaporkan berkenaan sekolah-sekolah Cina di tanah Melayu.

Laporan Fenn-Wu 1951

Jawatankuasa Fenn-Wu mengkaji persekolahan vernacular Cina dan mengemukakan Laporan yang dikenali sebagai Laporan Fenn-Wu. Menurut mereka sekolah vernacular Cina boleh berperanan untuk membina bangsa yang bersatu padu secara berasingan. Jawatankuasa ini mencadangkan, antara lain:

- Penggunaan tiga bahasa iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Cina dan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar diteruskan.
- Menyokong penggubalan sistem pendidikan kebangsaan, tetapi sekolah aliran Cina perlu dikekalkan dengan sukatan pelajarannya dan disesuaikan mengikut persekitaran masyarakat tempatan.

Ordinan Pelajaran 1952

Jawatankuasa Penasihat Pusat berkenaan pendidikan telah dibentuk bagi mengkaji pendapat-pendapat yang bercanggah yang dicadangkan oleh kedua-dua laporan yang membangkitkan perdebatan yang meluas serta hebat di seluruh Negara. Perdebatan jawatankuasa ini yang merupakan suatu kompromi di antara pendapat-pendapat yang berlainan dan seterusnya menjadi asas kepada Ordinan Pelajaran 1952

Ordinan Pelajaran 1952 merupakan satu usaha yang unggul dibuat oleh British dalam usaha untuk memperundangkan satu dasar pelajaran yang mempunyai bidang dan ciri-ciri kebangsaan. Ciri-ciri penting dasar yang terkandung dalam Ordinan Pelajaran 1952 adalah:

- Bagi memajukan suatu sekolah kebangsaan dengan pengenalan dwibahasa secara beransur-ansur kepada sekolah-sekolah vernacular Melayu dan Tamil melalui pengenalan kelas-kelas bahasa Kebangsaan.
- Menghadkan kadar kemasukan pelajar ke sekolah Jenis kebangsaan Inggeris
- Mengembangkan sekolah-sekolah menengah vokasional

Ordinan Pelajaran 1952 tidak dapat dilaksanakan kerana kerajaan menghadapi masalah kewangan berpunca daripada kemelesetan ekonomi. Ini kerana sebahagian besar peruntukan terpaksa dibelanjakan untuk menghadapi keadaan darurat yang dialami ketika itu. Ordinan pelajaran 1952 ini tidak mendapat sambutan yang baik, menyebabkan majlis Tertinggi Persekutuan sekali lagi melantik sebuah Jawatankuasa Khas untuk mencari penyelesaian bagi melaksanakan dasar yang tercatat dalam Ordinan 1952.

Laporan Razak 1956

Menjelang akhir tahun 1955, Persekutuan tanah Melayu sudah mempunyai kerajaan pertama yang dipilih. Dalam persediaannya menuju kearah kemerdekaan, disedari betapa mustahaknya mewujudkan dan memelihara kestabilan sosial dan politik bagi menjamin pertumbuhan ekonomi dan kesejahteraan hidup rakyat berbilang kaum di Negara ini. Sistem persekolahan yang

dipekenalkan oleh British tidak dapat menyemai unsure-unsur semangat kebangsaan serta tidak dapat menambung keperluan tersebut.

Bertolak daripada kesedaran inilah suatu Dasar Pelajaran Kebangsaan yang berasaskan kepada Laporan Razak 1956 dan dimaktubkan dalam Ordinan Pelajaran 1957 diwujudkan. Laporan Razak mengesyorkan sejumlah 17 perakuan dengan mengambil kira matlamat yang muktamad bagi menubuhkan suatu system pendidikan kebangsaan untuk semua kaum dengan menggunakan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar utama. Prinsip dan cadangan asas laporan ini yang dimaktubkan sebagai Ordinan Pelajaran 1957 menjadi asas kepada Dasar Pelajaran Kebangsaan.

Antara cadangan yang penting adalah:

- Penubuhan dua jenis sekolah sahaja iaitu sekolah-sekolah rendah yang bersendirian ataupun yang menerima bantuan dan sekolah-sekolah menengah yang bersendirian ataupun yang mendapat bantuan terus.
- Menukarkan sekolah-sekolah rendah yang ada sekarang kepada sekolah-sekolah umum dengan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantarnya dan sekolah-sekolah jenis kebangsaan dengan bahasa pengantarnya, bahasa Cina, bahasa Tamil ataupun Inggeris.
- Menjadikan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris sebagai mata pelajaran wajib di semua sekolah rendah dan menengah
- Penubuhan suatu jenis sekolah menengah kebangsaan terbuka secara saingan kepada semua bangsa, menggunakan sukatan pekajaran yang seragam untuk semua aliran, suatu kurikulum pelajaran yang boleh diubahsuai bagi membenarkan pengajaran semua bangsa dan kebudayaan Tanah Melayu serta mempunyai ruang bagi berbagai-bagai bahasa bahasa menjadi bahasa pengantar.
- Mengorientasikan semua sekolah ke arah Tanah Melayu melalui kandungan sukatan pelajaran dan jadual waktu yang sama
- Mengambil langkah-langkah bagi memupuk perkembangan bahasa kebangsaan dan mempertingkatkan pengetahuan di kalangan penduduk di Persekutuan Tanah Melayu. Perhatian peringkat-peringkat persekolahan di Tanah Melayu pada tahun 1956

Bagi menampung keperluan yang bertambah untuk guru-guru yang berkelayakan, program latihan nguru diperluaskan. Dua buah maktab sberang laut iaitu *Kirby Teacher's Training Collage* dan *Brinsford Lodge Teachers Training Collage* ditubuhkan buat sementara di England. Di Tanah Melayu, maktab-maktab latihan guru ditubuhkan di Pulau Pinang, Kuala Lumpur dan Johor Bahru.

Pada peringkat pengajian tinggi, Universiti Malaya ditubuhkan di Singapura pada tahun 1940 bagi memenuhi permintaan yang bertambah terhadap pelajaran tinggi di Tanah Melayu dan Singapura. Sesungguhnya Laporan Razak 1956 dapat dianggap sebagai batu asas bagi perkebangn sisitem pendidikan kebangsaan di negara ini. Di antara cirri-ciri terpenting dasar pendidikan kebangsaan yang sudah digunakan sebagai garis panduan dalam segala usaha pembangunan pelajaran sejak waktu itu ialah:

- Hasrat hendak membentuk suatu system pendidikan kebangsaan aqgi semua kaum
- Hasrat matlamat akhir bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar utama
- Hasrat bagi mengadakan kurikulum yang berorientasikan kepada alam keliling Malaysia dengan mewujudkan sukatan pelajaran yang sama isi kandungannya
- Hasrat bagi memperkukuhkan Sistem Pendidikan Kebangsaan dengan mewujudkan system peperiksaan yang sama bagi semua sekolah dpelajar.

Cadangan-cadangan Laporan Razak telah dirasionalisasi serta dilaksanakan dalam program-program dan projek-projek pendidikan bagi memupuk semangat dan identity kebangsaan di kalangan masyarakat yang berbilang kaum serta mengeluarkan tenaga yang mahir bagi mencapai pembangunan negara.

Cadangan Penyata Razak telah digubal menjadi Ordinan Pelajaran 1957. Ordinan ini mewajibkan kurikulum yang sama digunakan di semua sekolah. Pada tahun 1959, satu jawatankuasa penyemak pelajaran ditubuhkan untuk mengkaji semula pelaksanaan sistem pelajaran yang dicadangkan dalam Laporan Razak.

Kajian itu dilakukan kerana beberapa bantahan dibuat terhadap pelaksanaan Laporan Razak, antaranya; guru sekolah Melayu melahirkan rasa tidak puas hati kerana mereka berpendapat bahasa kebangsaan tidak dilaksanakan dengan tegas. Persatuan Guru-guru Sekolah Cina membantah kerana sebahagian daripada kandungan Penyata Razak mengabaikan kepentingan pendidikan bahasa Cina.

Pada tahun 1959, satu jawatankuasa Penyemak Pelajaran ditubuhkan untuk meneliti semula pelaksanaan sistem pelajaran yang dicadangkan oleh Penyata Razak. Menteri Pelajaran ketika itu, Encik Abdul Rahman Talib dipilih menjadi pengerusi jawatankuasa tersebut dan mengeluarkan satu laporan yang dikenali Laporan Rahman Talib.

Laporan Rahman Talib (1960)

Perakuan-perakuan Jawatankuasa Penyemak 1960, mempunyai kaitan yang penting dalam perkembangan pendidikan pada tahun-tahun 1960-an. Pada dasarnya laporan ini bertujuan untuk memperteguh dan memperbaiki konsep-konsep dan matlamat sistem pelajaran yang terkandung dalam Penyata Razak dan Ordinan Pelajaran. Kelemahan yang terdapat dalam Laporan Razak telah mendorong kerajaan membuat semakan semula. Satu Jawatankuasa Penyemak Pelajaran (1960) telah ditubuhkan dan penyata jawatankuasa ini dikenali sebagai Laporan Rahman Talib (1960). Tujuan utama penubuhan jawatankuasa ini ialah menyelesaikan beberapa perkara yang kabur dan tidak jelas dalam Laporan Razak.

Antara perkara penting yang dikaji ialah:

- Sistem persekolahan yang sama bagi semua
- Bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar yang utama bagi semua peringkat persekolahan
- Kurikulum dan peperiksaan sekolah yang sama kandungannya dan bercorak kebangsaan

Antara syor-syornya yang melibatkan kedudukan dan peranan bahasa Melayu dan dimasukkan ke dalam Akta Pelajaran 1961 adalah seperti berikut:

- Pelajaran rendah dalam bahasa kebangsaan dimajukan dengan mengadakan pelajaran menerusi bahasa kebangsaan di sekolah yang dahulunya sekolah rendah kerajaan dengan syarat ada guru yang sesuai, dan semua sekolah rendah bantuan akan diubah menjadi sekolah kebangsaan ataupun sekolah jenis kebangsaan dengan mengadakan guru yang mendapat latihan yang sesuai.
- Bantuan separuh kepada sekolah menengah Cina dimansuhkan mulai Januari 1960. Sekolah ini bagaimanapun, boleh menerima bantuan penuh sekiranya bahasa pengantar pengajaran diubah kepada bahasa Melayu atau bahasa Inggeris dan sekolah tersebut menyediakan murid-muridnya untuk peperiksaan Peperiksaan Sijil Rendah dan pelajaran atau Sijil Pelajaran Persekutuan Tanah Melayu atau Sijil Sekolah Seberang Laut.
- Semua peperiksaan awam di sekolah menengah diadakan dalam salah satu bahasa rasmi sahaja. Hal ini bermakna, peperiksaan Menengah Rendah III Kerajaan/peperiksaan meningkat ke Sekolah Menengah Cina yang mula diadakan pada tahun 1951, dimansuhkan.

Langkah hendaklah diambil untuk membanyakkan bilangan guru terlatih yang layak mengajar dalam bahasa Melayu. Langkah yang lebih lanjut lagi hendaklah diambil untuk mengukuhkan kedudukan bahasa kebangsaan dalam sistem pelajaran. (Raja Mukhtaruddin Raja Mohd Dain 1995: 101). Laporan ini merupakan satu langkah berani dalam usaha mendaulatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi.

Beberapa perubahan dan pindaan turut dicadangkan oleh laporan ini, iaitu:

- Pelajaran di sekolah rendah adalah percuma.
- Sekolah rendah menjadi sekolah kebangsaan dan sekolah jenis kebangsaan.
- Sekolah pelajaran lanjutan merupakan persekolahan hingga umur 15 tahun, iaitu peluang melanjutkan persekolahan dari 9 tahun ke 11 tahun
- Murid naik darjah secara automatik.
- Pelajaran agama Islam bagi murid-murid sekurang-kurangnya 15 orang.
- Pendidikan akhlak dititikberatkan. Penegasan kepada pendidikan kerohanian yang kukuh dan unsur-unsur disiplin yang diingini
- Penegasan kepada pendidikan asas 3M membaca, menulis dan mengira
- Penegasan kepada kurikulum ala Malaysia
- Pendidikan menengah atas melalui dua jurusan, akademik dan vokasional
- Melicinkan tatacara pengurusan pelajaran meningkatkan mutu pelajaran keseluruhan



Bincangkan kepentingan Laporan Razak dan Laporan Rahman Talib dalam sistem pendidikan di Malaysia.

Akta Pelajaran 1961

Dalam usaha hendak memperkemas dan merumuskan dasar pendidikan negara, kesemua perkara yang diterima daripada Laporan Razak 1956 dan perakuan-perakuan utama Jawatankuasa Penyemak 1960, digabungkan ke dalam suatu peruntukan undang-undang pelajaran yang kemudiannya disebut Akta Pelajaran 1960. Akta Pelajaran 1960 ini digabungkan ke dalam suatu peruntukan undang-undang pelajaran yang kemudiannya disebut Akta Pelajaran 1961. Dengan itu, segala usaha yang dicurahkan bagi pembangunan pelajaran di negara ini adalah berpandukan kepada dasar yang termaktub dalam Akta Pelajaran 1961 seperti;

Akta Pelajaran 1961

“Untuk menubuhkan satu sistem pendidikan kebangsaan yang dapat memenuhi keperluan negara dan memajukan kebudayaan, sosial, ekonomi dan perkembangan politik.... Hendaklah diambil kira juga, sejauh mana bersesuaian dengan dasarnya... kepada prinsip umum bahawa murid-murid hendaklah dididik mengikut kehendak ibu bapa mereka... Dan manakala peruntukan tambahan diperlukan untuk keberkesanan khas untuk kemajuan yang berterusan dalam perkembangan sistem pendidikan di mana Bahasa Kebangsaan menjadi bahasa pengantar utama.”

Bagi melaksanakan Akta Pelajaran 1961 dengan berkesan, bahagian pentadbiran dan pelaksanaan Kementerian Pendidikan sudah diperbesarkan. Beberapa bahagian sudah ditubuhkan dan beberapa jawatankuasa sudah dibentuk. Antara bahagian yang ditubuhkan:

- Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan pada tahun 1963.
- Bahagian Teknik dan Vokasional pada tahun 1964.
- Bahagian Buku Teks pada tahun 1967.
- Bahagian Perkhidmatan Sebaran Pendidikan pada tahun 1972.
- Pusat Perkembangan Kurikulum pada tahun 1973

Bagi meningkatkan prestasi pegawai-pegawai Pelajaran Malaysia, maka Institut Latihan Pegawai-pegawai Pelajaran Malaysia ditubuhkan pada tahun 1979. Institut latihan ini dinamakan semula sebagai Institut Pengurusan Pendidikan Negara sejak tahun 1984 dan sekarang disebut Institut Aminuddin Baki. Pada tahun 1985, Majlis Peperiksaan Malaysia ditubuhkan sebagai suatu badan berkanun bagi mengendalikan peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia.



Cuba anda bincangkan kepentingan Akta Pelajaran 1961 dalam Sistem Pendidikan Kebangsaan?

Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67

A kta Bahasa Kebangsaan 1963 telah berkuat kuasa mulai 11 April 1963 yang mengandungi tiga seksyen, iaitu setiap satunya mengenai tulisan bagi bahasa Kebangsaan, bentuk angka, dan bahasa dalam borang rasmi kerajaan. Dalam tempoh sepuluh tahun selepas merdeka, telah termaktub Akta bahasa Kebangsaan 1967 yang telah diluluskan dan berkuatkuasa pada 1 September 1967 di Semenanjung Malaysia. Akta tersebut kemudiannya disemak dan disatukan dengan Akta Bahasa Kebangsaan 1963 menjadi Akta Bahasa Kebangsaan 1967. Termaktubnya Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 setelah disemak dan disatukan dengan Akta Bahasa Kebangsaan 1963 dan telah dikuatkuasakan pada 1 Julai 1971

Namun begitu, Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 ini adalah di bawah seksyen 2 yang memperuntukkan bahawa bahasa kebangsaan hendaklah digunakan bagi maksud-maksud rasmi. Namun, di dalam Laporan Jawatankuasa Mengkaji Bahasa Melayu (1993), selepas 1 September 1967, bahasa kebangsaan juga hendaklah digunakan bagi maksud-maksud rasmi. Oleh itu, akta ini dengan jelas memperuntukkan bahawa selepas 1 September 1967, bahasa kebangsaan hendaklah digunakan bagi maksud-maksud rasmi, kecuali dalam beberapa kes tertentu seperti undang-undang yang sedia ditulis dalam bahasa Inggeris, perhubungan dengan dunia luar dan sebagainya.

Antara perkara utama yang terdapat dalam akta ini ialah;

- Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan digunakan sebagai bahasa rasmi semua urusan rasmi. Namun begitu, penggunaan BM sebagai “bahasa rasmi” hendaklah dihadkan pada bidang-bidang urusan pentadbiran awam, bidang kehakiman dan perundangan atau “*legislature*” . Menurut Hassan Ahmad (1999), jika mengikut peruntukkan undang-undang bahasa ini kerajaan atau pelaksanaan dasar bahasa tidak boleh mengembangkan domain atau ranah BM di luar bidang urusan rasmi kerajaan. Selain itu, di luar sistem pendidikan kebangsaan bahasa-bahasa lain boleh digunakan sebagai bahasa pengantar di sekolah dan institusi pengajian tinggi swasta.
- Akta ini membenarkan terjemahan ke bahasa-bahasa lain dibuat Sekiranya undang-undang bertulis yang dikanunkan sebelum 1 September 1967 telah diterjemahkan ke dalam bahasa kebangsaan, maka Yang di-Pertuan Agong boleh menetapkan terjemahan undang-undang itu sebagai sah.
- Akta juga menyatakan bahawa bahasa mahkamah termasuk segala prosiding (melainkan keterangan yang diberi oleh seorang saksi) dalam mahkamah Persekutuan, Mahkamah Tinggi atau mana-mana Mahkamah Rendah hendaklah dalam bahasa kebangsaan atau dalam bahasa

Inggeris atau sebahagiannya dalam bahasa kebangsaan dan sebahagiannya dalam bahasa Inggeris

- Tulisan dan bentuk angka bagi bahasa kebangsaan ialah tulisan rumi dengan syarat bahawa ini tidak melarang penggunaan tulisan Melayu yang menggunakan nama tulisan jawi bagi bahasa kebangsaan dan bentuk angka ialah angka Arab.
- Akta ini memperuntukkan satu perakuan iaitu jika sesuatu borang rasmi ditulis dalam bahasa Inggeris, terjemahannya hendaklah dibuat dalam bahasa kebangsaan oleh pihak tertentu yang dilantik oleh Perdana Menteri.

Berdasarkan kepada kandungan Akta Bahasa Kebangsaan itu jelaslah bahawa perkara penting yang hendak diperuntukkan oleh akta-akta itu bukanlah cara bagaimana untuk melaksanakan bahasa Kebangsaan, tetapi mengemukakan beberapa aspek sebagai usaha mendaulatkan bahasa itu. Selain itu, Akta Bahasa Kebangsaan telah menunjukkan beberapa cara lain bagi memberi kuasa kepada beberapa pihak yang berkenaan untuk memajukan bahasa Melayu supaya dapat menggantikan peranan bahasa Inggeris. Walaupun akta ini telah mengesahkan kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan yang tunggal, tetapi ia masih memberi jaminan bahawa bahasa-bahasa lain tetap dan digunakan bagi kepentingan awam.

Akta Bahasa Kebangsaan 1967 telah menimbulkan ketidakpuasan hati orang-orang Melayu dengan jaminan bahawa bahasa Inggeris terus digunakan dan dilihat sebagai mengancam kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi.



Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 dikatakan telah mengancam kedudukan bahasa Melayu. Bincangkan.

Laporan Kabinet 1979

Setelah beberapa tahun sistem pendidikan yang berteraskan Laporan Rahman Talib dilaksanakan, suatu kajian sudah dijalankan bagi mengkaji keperluan pelajaran dalam menyahut hasrat zaman sains dan teknologi dan dasar Ekonomi Baru. Pada tahun 1974, suatu Jawatankuasa Kabinet ditubuhkan bagi mengkaji pelaksanaan dasar Pendidikan Kebangsaan.

Tugas penting jawatankuasa ini adalah membuat penelitian ke atas system pelajaran kebangsaan, antara lain adalah:

- Meneliti matlamat dan kesan sistem pendidikan pada masa itu
- Memastikan keperluan tenaga rakyat dan negara dapat dipenuhi
- Melahirkan masyarakat bersatu padu, berdisiplin dan terlatih

Laporan Jawatankuasa Kabinet diterbitkan pada tahun 1979, yang meneliti dan kemudiannya mengesyorkan mengenai bentuk persekolahan, peweriksaan, pentadbiran, sukatan pelajaran, buku teks, pendidikan sivik, pendidikan agama, pendidikan moral, disiplin dan pendidikan kokurikulum.

Beberapa perubahan kepada sistem pendidikan kebangsaan, ialah:

- Menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar yang utama. Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dijadikan mata pelajaran wajib di sekolah-sekolah. Peluang untuk mempelajari Bahasa Cina dan bahasa Tamil juga disediakan.
- Mengadakan kurikulum dan system peperiksaan yang sama dan berorientasikan Malaysia bagi semua jenis sekolah.
- Menyediakan peluang pendidikan asas selama 9 tahun, disamping meluaskan pendidikan teknik dan vokasional
- Memperkenalkan pendidikan rendah mengikut Kurikulum baru Sekolah Rendah (KBSR) yang berasaskan 3M, iaitu menulis, membaca dan mengira, serta Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) mulai tahun 1988.
- Mempelbagaikan kemudahan pendidikan di peringkat universiti, terutama dalam bidang sastera dan sains guna serta menggalakkan kegiatan kokurikulum bagi memupuk disiplin seperti kadet tentera, kadet polis dan pengakap

Akta Pendidikan 1996

Sistem pendidikan kebangsaan merupakan kerangka pendidikan di Malaysia yang termaktub di dalam Akta Pendidikan Malaysia 1996. Sistem pendidikan ini telah mengalami proses penstrukturan semula daripada Akta Pelajaran 1991 bagi tujuan mengoptimumkan fungsi dan peranannya.

Akta Pendidikan 1996 yang berperanan sebagai kerangka kepada sistem pendidikan kebangsaan, mengandungi perkara-perkara penting yang digunakan untuk mendefinisikan dan menentukan arah dasar yang akan diikuti oleh pemimpin dan pentadbir pendidikan. Menurut Akta Pendidikan 1995, seksyen 15, sistem pendidikan kebangsaan hendaklah terdiri daripada:

- Pendidikan pra-sekolah
- Pendidikan rendah
- Pendidikan menengah
- Pendidikan lepas menengah; dan
- Pendidikan tinggi kecuali pendidikan di sekolah ekspatriat (sekolah antarabangsa)

Seksyen 16 Akta pendidikan 1996 pula menyenaraikan tiga kategori institusi pendidikan kebangsaan:

- Institusi pendidikan kerajaan
- Institusi pendidikan bantuan kerajaan; dan
- Institusi pendidikan swasta

Perkara 152 dalam Perlembagaan Malaysia telah memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan negara untuk menjamin perpaduan rakyat.

Falsafah Pendidikan Negara dijadikan landasan Akta Pendidikan Kebngsaan yang digubal setelah mengambilkira pandangan dan aspirasi semua pihak.. Matlamat system pendidikan di Malaysia dirumuskan berdasarkan matlamat yang terdapat dalam Rukun Negara, Dasar Pendidikan Kebangsaan dan dasar Ekonomi Baru (DEB).

Antara Matlamat Sistem Pendidikan di Malaysia ialah:

- Penghasilan pendidikan bermutu.
- Penghasilan pelajar-pelajar yang terpelajar dan terdidik.
- Pembentukan masyarakat yang bersatu padu.
- Pembangunan sosial masyarakat.
- Penghasilan tenaga kerjja yang bermutu.
- Penghasilan ekonomi, khususnya masyarakat luar Bandar.
- Pembentukan warganegara yang bertanggungjawab dan mempunyai komitmen dalam negara demokrasi.
- Penyusunan semula struktur sosio-ekonomi masyarakat
- Pembasmian kemiskinan.

Dalam Akta Pendidikan, konsep sistem pendidikan kebangsaan dimantapkan dengan meliputi semua peringkat persekolahan dari peringkat prs sekolah hingga ke peringkat pendidikan tinggi, dan meliputi semua ketegori sekolah, iaitu sekolah kerajaan, bantuan kerajaan dan swasta.

Perkara 152 dalam Perlembagaan Malaysia telah memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan negara untuk menjamin perpaduan rakyat. Kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan semakin kukuh apabila Akta Bahasa kebangsaan diluluskan pada tahun 1967. Bermula pada tahun 1970, bahasa pengantar di sekolah rendah Inggeris telah ditukar kepada bahasa kebangsaan secara berperingkat-peringkat.

Akta Pendidikan 1996 telah mengambil kira kepentingan semua kaum dengan cara mengekalkan sttus quo sekolah rendah jenis kebangsaan dan juga 60 buah sekolah Cina swasta. Di samping itu Unified Examniation yang diambil oleh sekolah-sekolah ini serta lembaga pengelola sekolah *conforming* dan sekolah *mission turut* dikekalkan. Akta Pendidikan 1966 juga turut memperuntukan pengajaran bahasa-bahasa suku kaum yang terdapat di negara ini sekiranya didapati munasabah dan praktik

diadakan. Manakala kelas-kelas agama seperti *bibli classes* tidak perlu mendaftar di bawah Akta Pendidikan 1996.

Pemberitahuan Undang-undang No.410/1967

Pemberitahuan Undang-undang No. 410/1967 diwujudkan untuk membenarkan penggunaan bahasa Inggeris bagi tempoh yang difikirkan perlu. Pemberitahuan undang-undang ini bertujuan untuk mengumumkan penggunaan bahasa Inggeris dibenarkan dengan bersyarat digunakan bagi tujuan-tujuan rasmi sahaja. Pada 1 September 1967 Akta Bahasa Kebangsaan. Penggunaan bahasa Inggeris ini dibenarkan untuk sesuatu tujuan yang rasmi sahaja. Berdasarkan pemberitahuan itu, penggunaan bahasa Inggeris dibenarkan dalam bidang-bidang tertentu seperti:

- Apabila jabatan-jabatan kerajaan meminta dan Jabatan Undang-undang memberi nasihat undang-undang berkenaan dengan mana-mana undang-undang bertulis yang naskahnya yang sah ialah dalam bahasa Inggeris .
- Apabila membuat perhubungan dengan kerajaan-kerajaan negeri-negeri asing atau badan-badan antarabangsa dalam mana penggunaan bahasa Inggeris tidak dapat dielakkan.
- Apabila berhubung dengan pakar-pakar antarabangsa seperti Pakar Rancangan Colombo dan Pakar Perunding yang berkhidmat dengan atau di bawah jabatan kerajaan atau badan-badan berkanun di dalam Malaysia.
- Dalam kursus-kursus latihan atau peperiksaan apabila teks-teks yang sah adalah bahasa Inggeris atau kursus yang ditetapkan itu masih dalam bahasa Inggeris.
- Latihan yang dijalankan oleh pakar-pakar antarabangsa.
- Perwakilan Malaysia di luar negeri, apabila berhubung dengan kakitangan yang diambil daripada negeri yang terletaknya perwakilan itu.
- Kementerian Kesihatan, apabila membuat laporan atau pesanan seperti laporan penyakit, pesanan ubat dan pesanan selepas pembedahan.
- Kementerian Luar Negeri apabila menghantar arahan dasar daripada Kementerian kepada Ketua-ketua Perwakilan Malaysia di luar negeri, jika difikirkan penggunaan bahasa Inggeris tidak dapat dielakkan.
- Jabatan Hasil Dalam Negeri, kerja-kerja berkaitan dengan penaksiran komputer, kira-kira mengumpul dan penyiasatan.


Kelulusan melanjutkan penggunaan bahasa Inggeris ini bertujuan untuk mempermudah urusan-urusan di peringkat antarabangsa serta urusan yang dijalankan dalam negeri yang memerlukan penggunaan bahasa Inggeris. Keadaan ini bagi mengelakkan berlakunya kesukaran semasa proses berurusan sekiranya bahasa Melayu digunakan sebagai bahasa pengantaraan. Oleh itu, Yang di-Pertuan Agong telah meluluskan penggunaan bahasa Inggeris.




Jelaskan mengapa Pemberitahuan Undang-undang No.410/1967 diperlukan.

PENGEKALAN WARISAN BAHASA MELAYU MELALUI PERANCANGAN BAHASA

Bagi memajukan dan memodenkan bahasa Melayu pelbagai usaha dan perancangan dijalankan. Menurut *Tatabahasa Dewan edisi baharu* (Nik Safiah Karim et al, 2003:20), perancangan bahasa ialah usaha-usaha yang dijalankan untuk memupuk bahasa ke taraf yang lebih maju. Umumnya, usaha-usaha ini dijalankan oleh badan-badan tertentu yang ditubuhkan khas untuk mencapai matlamat ini. Di Malaysia, badan perancang bahasa ialah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) yang ditubuhkan pada tahun 1956. Secara umumnya, perancangan bahasa melalui tiga peringkat utama, yang digambarkan seperti berikut:




Perancangan bahasa dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu perancangan taraf dan perancangan korpus.



Perancangan taraf bererti peluasan dan peningkatan taraf penggunaan, dan peranan bahasa tersebut dalam kalangan masyarakat. Dalam hal ini, bahasa Melayu dipilih dan diiktiraf melalui perkara 152 Perlembagaan Persekutuan Malaysia dan Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 (pindaan 1971), bahasa Melayu menjadi bahasa kebangsaan Malaysia dan bahasa rasmi negara dan seterusnya menjadi lambang identiti Malaysia dan menjadi alat perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia yang berbilang kaum.

Perancangan korpus pula melibatkan pelbagai proses. Salah satu proses tersebut ialah proses penyeragaman bagi menghasilkan satu variasi bahasa seragam dan baku dalam pelbagai aspek diperlukan untuk menjadikan sesuatu bahasa terus berkembang maju. Proses penyeragaman dan pembakuan bahasa atau pengekodan ini melibatkan perkara-perkara berikut.



Dalam usaha memodenkan sistem ejaan Rumi terdapat beberapa usaha dilakukan untuk memperbaiki dan menyelaraskan sistem ejaan dalam bahasa Melayu. Sejarah perkembangan sistem ejaan Rumi bermula dari Sistem Ejaan Rumi Wilkinson, Sistem Ejaan Rumi Za'ba, Sistem Ejaan Rumi Fajar Asia, Sistem Ejaan Rumi Kongres, Sistem Ejaan Rumi Bahasa Melayu Universiti Malaya dan akhirnya Sistem Ejaan Rumi Baharu (1972) yang digunakan sehingga hari ini.

Aspek pemodenan seterusnya ialah dalam bidang perkamusan. Aspek pengekodan ini juga dianggap penting kerana sesuatu bahasa yang sedang berkembang akan bertambah perbendaharaan katanya. Maka, pertambahan kata ini perlu disusun dan dirakamkan untuk rujukan umum. Perkara-perkara yang direkodkan meliputi kata entri, maklumat tatabahasa, makna, contoh penggunaan kata, sebutan dan etimologi kata. Satu Jawatankuasa Tetap Bahasa Melayu (JKTBM). Pembentukan istilah yang standard penting dilakukan sesuai dengan perkembangan ilmu. Usaha pemodenan dan pembentukan istilah dalam pelbagai bidang ilmu moden bermula apabila *Pedoman Umum Pembentukan Bahasa Melayu* (PUPIBM) dirumuskan oleh MBIM.

Penyeragaman tatabahasa juga dilakukan untuk menjadikan bahasa Melayu terus berkembang. Usaha ini penting bagi membolehkan pengguna bahasa menggunakan tatabahasa yang betul dan seragam sama ada dalam bentuk tulisan mahupun lisan. Perancangan pemodenan tatabahasa mencakupi dua

bidang penting, iaitu morfologi dan sintaksis. Bidang morfologi melibatkan pembentukan kata dan frasa manakala bidang sintaksis merupakan cara-cara untuk membina ayat.

Proses perancangan bahasa amat penting kepada sesebuah bahasa kerana bahasa sentiasa melalui pembaharuan. Tanpa perancangan yang strategik dan sistematik akan membuatkan sesebuah bahasa menjadi lemah dan akhirnya mati begitu sahaja. Proses perancangan bahasa yang melibatkan pelbagai aspek ini dilihat mampu mempertahankan sesebuah bahasa daripada menjadi pupus. Oleh itu, Malaysia melalui DBP dengan kerjasama MABBIM berusaha untuk terus merancang, menyebarkan, memartabat dan memodenkan bahasa Melayu sesuai dengan tuntutan semasa.



Senaraikan tiga proses atau peringkat utama perancangan bahasa.

Mengapakah pengekodan dianggap penting dalam proses perancangan bahasa?

RUMUSAN

- Usaha menghasilkan daftar kata dan kamus oleh orang Eropah seperti Pigafeta, de Houtman dan lainnya telah menyumbang kepada perkembangan bahasa Melayu.
- Surat-surat dagang dan pentadbiran daripada raja-raja Melayu dan orang Eropah dan sebaliknya membuktikan bahasa Melayu bukan sahaja bahasa lingua franca tetapi bahasa rasmi ketika itu.
- Bahasa Melayu klasik mempunyai ciri-ciri tertentu yang menjadikannya berbeza dengan bahasa Melayu kuno dan bahasa Melayu moden. Misalnya, ayat: panjang, berulang, berbelit-belit dan meleret-leret, banyak ayat pasif dan ayat songsang, menggunakan bahasa istana, kosa kata klasik, banyak menggunakan perdu perkataan (kata pangkal ayat) seperti *maka*, *alkisah*, *hatta*, dan adapun dan banyak menggunakan partikel *pun* dan *lah*.
- Abad ke-19 dianggap zaman peralihan bahasa Melayu.
- Peringkat awal bahasa Melayu banyak meminjam kosa kata Sanskrit, Tamil dan Hindi, kemudian Arab, dan seterusnya bahasa-bahasa Eropah seperti Portugis, Belanda dan Inggeris. Bahasa Melayu juga meminjam kosa kata daripada bahasa-bahasa serumpun.
- Pada peringkat awal perkembangan bahasa Melayu moden, iaitu pada awal abad ke-19, tulisan Jawi masih mendominasi perkembangan bahasa Melayu.
- Pada lewat abad ke-19 dan abad ke-20 hingga kini tulisan Rumi mengambil alih peranan tulisan Jawi.
- Ciri-ciri bahasa Melayu moden merupakan kebalikan daripada ciri-ciri yang terdapat dalam bahasa Melayu klasik merangkumi aspek kosa kata, tulisan, ayat dan gaya bahasa.
- Tujuan asal mereka mempelajari bahasa Melayu lebih didorong oleh faktor perhubungan dagang dan penyebaran agama Kristian dengan menggunakan bahasa Melayu. Misalnya penerbitan majalah Bustan Arifin yang menggunakan tulisan jawi untuk menyebarkan agama Kristian.
- Bahasa Melayu pada abad ke-19 menjadi titik mula kepada perkembangan bahasa Melayu moden. Hasil tulisan Raja Ali Haji dan Munshi Abdullah dianggap sebagai permulaan perkembangan bahasa Melayu moden.

- Orang tempatan seperti pegawai Melayu di Johor dan di tempat-tempat lain turut menyumbang kepada perkembangan bahasa Melayu melalui tulisan mereka. Hasil karya mereka sama ada berbentuk kesusasteraan, keagamaan dan kebahasaan memberi makna yang besar kepada perkembangan bahasa Melayu
- Sebelum penjajahan British, bahasa Melayu mencapai kedudukan yang tinggi, berfungsi sebagai bahasa perantaraan, pentadbiran, kesusasteraan, dan bahasa pengantar di pusat pendidikan Islam.
- Laporan Razak (1956) mencadangkan, pembentukan satu sistem pendidikan kebangsaan; pengakuan matlamat akhir Bahasa Malaysia menjadi bahasa pengantar utama; permulaan kurikulum yang berorientasikan alam sekeliling Malaysia; dan mewujudkan sistem peperiksaan yang sama bagi semua.
- Laporan Rahman Talib (1961) mencadangkan; penegasan kepada pendidikan asas 3M, iaitu membaca, menulis dan mengira; penegasan kepada pendidikan kerohanian yang kukuh dan unsur-unsur disiplin yang diingini; penegasan kepada kurikulum berorientasikan Malaysia; pendidikan menengah atas melalui dua jurusan, akademik dan vokasional; peluang melanjutkan persekolahan dari 9 tahun ke 11 tahun; dan melicinkan tatacara pengurusan pelajaran meningkatkan mutu pelajaran keseluruhan.
- Akta Bahasa Kebangsaan memperuntukkan bahawa selepas 1 September 1967, bahasa kebangsaan hendaklah digunakan bagi maksud-maksud rasmi, kecuali dalam beberapa kes tertentu seperti undang-undang yang sedia ditulis dalam bahasa Inggeris. Akta ini menimbulkan ketidakpuasan hati orang-orang Melayu dengan jaminan bahawa bahasa Inggeris terus digunakan dan dilihat sebagai mengancam kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi.
- Pemberitahuan Undang-undang No. 410/1967 diwujudkan untuk membenarkan penggunaan bahasa Inggeris dengan bersyarat digunakan bagi tujuan-tujuan rasmi sahaja.
- Pelbagai bidang ilmu menghasilkan pelbagai laras bahasa dalam bahasa Melayu seperti laras undang-undang, laras ekonomi, laras teknologi maklumat, laras sains dan sebagainya.
- Untuk memodenkan bahasa proses perancangan dan pemupukan bahasa dilakukan.
- Perancangan taraf bererti peluasan dan peningkatan taraf penggunaan, dan peranan bahasa tersebut dalam kalangan masyarakat.
- Perancangan korpus ialah proses penyeragaman bagi menghasilkan satu variasi bahasa seragam dan baku dalam pelbagai aspek diperlukan untuk menjadikan sesuatu bahasa terus berkembang maju.

KATA KUNCI

bahasa pramoden	bahasa moden	tulisan Jawi	tulisan Rumi
kamus	prasasti	cop mohor	pemodenan
daftar kata	aksara	batu bersurat	Akta Bahasa Kebangsaan
tulisan palava	daftar kata	Laporan Razak	Laporan Rahman Talib
Laporan Barnes 1950	Ordinan Pelajaran 1955	Akta Pelajaran 1961	Undang-undang 410/1967
Akta Pendidikan 1996	tulisan rencong	Laporan Fenn-Wu 1956	perancangan taraf
perancangan korpus	pengekodan	pemodenan	pembakuan

PENILAIAN KENDIRI

1. Nyatakan sumbangan Jepun dalam perkembangan bahasa Melayu.
2. Mengapa Aceh dan Riau menjadi pusat kegiatan persuratan dan kebahasaan yang penting selepas Melaka.
3. Kenapakah dikatakan Kongres Bahasa dan Melayu penting dalam usaha mengangkat kedudukan dan martabat bahasa Melayu.
4. Mengapakah penggunaan tulisan jawi menjadi malap selepas Tanah Melayu(Malaysia) merdeka?
5. Bincangkan kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu.
6. Senaraikan ciri-ciri bahasa Melayu moden dan ciri-ciri bahasa Melayu klasik.
7. Mengapakah bahasa Melayu begitu mudah menerima pengaruh bahasa asing?
8. Pelbagai bentuk laras wujud dalam bahasa Melayu. Berdasarkan pemerhatian anda apakah kepentingan laras kepada masyarakat.
9. Apakah kepentingan perancangan bahasa dalam konteks sesebuah negara ?
10. Mengapakah bahasa Melayu dipilih sebagai bahasa kebangsaan?
11. Apakah bukti-bukti yang menunjukkan pengaruh Arab telah diterima oleh masyarakat di kepulauan Melayu?
12. Pindaan Akta Pendidikan 1996 dikatakan mengganggu proses memartabatkan bahasa Melayu dalam sistem pendidikan. Sejauhmanakah kebenarannya?

RUJUKAN

- Abu Bakar Nordin , et.al. (2000). *SITC-UPSI pelopor pendidikan bangsa*. PJ: Longman.
- Abdullah Hassan, ed. (2007). *Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu I-VI (1952-2002)*. KL:Persatuan Penterjemah Malaysia.
- Darwis Harahap (1992). *Sejarah pertumbuhan bahasa Melayu*. P.Pinang: Penerbit USM.
- Hashim Musa (2003). *Epigrafi Melayu: sejarah sistem tulisan dalam Melayu*. KL:DBP
- Ismail Hussein (1966). *Sejarah pertumbuhan bahasa kebangsaan kita*. KL:DBP
- Nik Safiah Karim, et.al, (2004). *Tatabahasa Dewan: edisi semakan*. KL:DBP
- Raja Mukhtaruddin Raja Mohd Dain,1995. *Pembinaan Bahasa Melayu Perancangan Bahasa di Malaysia*. Kuala Lumpur. Terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sufean Hussin (1996). *Pendidikan di Malaysia; sejarah, sistem dan falsafah*. KL:DBP
- Syed Muhammad Naquib al-Attas. (1972). *Islam dalam sejarah dan kebudayaan Melayu*. Bangi:UKM
- Shaharir Mohamad Zain (2003): Penyebaran orang rumpun Melayu pra-Islam dan perkembangan tulisan bahasa Melayu dalam *Jurnal Sari Bil. 21:129-149* UKM: ATMA
- Zainal Abidin bin Ahmad (1965). *Ilmu Mengarang Melayu*. KL:DBP.